



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

EXTRA-CURRICULAR ACTIVITIES REFLECTION REPORTS

UKQT 3001

2020/2021

“Corporate Social Responsibility (CSR)”
at Zoo Johor, Jalan Gertak Merah, 80000 Johor Bahru.

LECTURER: DR SYAHARIZATUL

SECTION: 04

NAME: LIYANA ATHIRA BINTI ROSLAN

MATRIC NO: B19BS0009

1.0 REPORTING

Saya telah mengambil subjek “*Graduate Success Attributes*” pada semester 1 saya di UTM Skudai. Kami dibahagikan dalam kumpulan untuk melengkapkan aktiviti yang melibatkan tugas “*corporate social responsibility*”. Pensyarah telah berikan kebebasan kepada pelajar untuk melakukan aktiviti CSR di mana-mana organisasi dan perlu mendapatkan persetujuan dari pensyarah.

Kumpulan kami memilih Zoo Johor yang terletak di Johor Bahru sebagai lokasi aktiviti. Setelah mendapatkan persetujuan dari pensyarah, kami pergi ke Zoo Johor untuk bertanya tentang aktiviti-aktiviti CSR yang ditawarkan oleh pihak mereka. Selepas perbincangan bersama salah seorang staf Zoo Johor, kami memilih tarikh 19 November 2019 sebagai hari untuk menjalankan aktiviti CSR yang melibatkan pelajar Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor.

Tujuan kami melakukan aktiviti CSR di Zoo Johor adalah kerana minat dari para pelajar untuk menolong sesebuah organisasi. Aktiviti CSR adalah salah satu cara untuk membina nama UTM kearah yang lebih baik dan dalam pada masa yang sama, UTM dikenali oleh ramai pihak.

Pada hari kejadian, seramai 10 orang pelajar yang hadir untuk melakukan CSR. Kami diwajibkan untuk membeli tiket masuk yang berharga RM 2.00 sebelum masuk ke dalam zoo. Kemudian, kami diberikan taklimat oleh staf zoo berkenaan aktiviti dan rutin harian yang mereka lakukan untuk menjaga haiwan-haiwan daripada pagi sehingga malam.

Penjagaan haiwan yang terdapat di zoo johor adalah sangat cekap kerana staf-staf di zoo johor sangat menitik beratkan kesihatan haiwan kerana itu adalah motif utama zoo ini

diwujudkan. Selain daripada menarik perhatian pelanggan, staf-staf zoo juga perlu memastikan persekitaran di sekeliling zoo sangat bersih dan tidak kotor.

Selepas itu, 10 orang pelajar dibahagi kepada tiga kumpulan yang mewakili seramai 3 orang, 3 orang, 3 orang dan 1 orang jurugambar. Kumpulan pertama yang mempunyai 3 orang ahli termasuk saya perlu pergi ke tempat seladang. Kami menerima arahan untuk membersihkan kawasan kurungan dan najis seladang pada pukul 8.30 pagi.

Kumpulan kedua yang mempunyai 3 orang ahli juga perlu pergi ke kawasan unta dan membersihkan kawasan dan najis unta. Begitu juga dengan Kumpulan ketiga, mereka diarahkan untuk membersihkan kawasan dan najis gajah. Selepas mereka selesai di kawasan unta, kumpulan kedua perlu pergi ke sangkar singa untuk memandikan dan memberi makan kepada singa-singa.

Aktiviti CSR telah memberi kami peluang yang baru untuk merasai sendiri pengalaman bekerja di zoo. Staf-staf di zoo sangat peramah dan membantu kami untuk melakukan aktiviti dengan baik, tunjuk ajar daripada mereka sangat berguna untuk kami bekerja dengan haiwan-haiwan yang liar dan juga tak liar.

Saya sangat bertuah kerana dapat melakukan aktiviti CSR bersama kawan-kawan yang lain di zoo johor. Pengalaman yang saya dapati dari aktiviti CSR adalah sangat bermakna kerana itu adalah pengalaman pertama saya membersihkan kawasan dan najis seladang, mungkin itu adalah pengalaman pertama dan terakhir saya melakukan tugas sebegini.

2.0 RESPONDING

Subjek “*Graduate Success Attributes*” merupakan subjek 2 kredit dan setiap pelajar Universiti Teknologi Malaysia wajib untuk mengambil. Subjek ini fokus kepada peribadi seseorang di mana ia mengajar pelajar untuk lebih memahami serta mengkaji tentang isu semasa sebagai tugas yang memberi impak kepada hidup seseorang.

Selain daripada itu, subjek ini juga tidak hanya fokus kepada pembelajaran di dalam kelas, malahan pembelajaran di luar kelas. Pelajar di dalam kelas dibahagi kepada 8 ke 9 kumpulan untuk tugas CSR. Saya dan kawan-kawan sekumpulan adalah seramai 5 orang.

Sebelum pergi ke zoo johor untuk melakukan aktiviti CSR, kami menghubungi pihak zoo johor dan mereka sangat mengalu-alukan kedatangan pelajar universiti yang ramai. Kami sekumpulan telah berbincang sesama sendiri untuk membuat keputusan berapa orangkah yang kami perlukan untuk ke zoo johor.

Setelah dipersetujui oleh kumpulan lain, mereka menyertai kami untuk aktiviti CSR di zoo johor. Jadi, terdapat 10 orang pelajar yang secara sukarela untuk membantu berkhidmat di zoo johor selama sehari.

Saya menganggap bahawa melakukan aktiviti CSR di zoo akan sedikit mencabar dan boleh cederakan diri jika tidak berhati-hati, tetapi semua sangkaan itu hilang selepas mendengar taklimat yang diberikan oleh staf-staf zoo johor.

Pengalaman saya sebagai seorang pelajar yang telah membersihkan ladang seladang, haiwan seladang adalah sangat tenang apabila manusia datang dekat untuk tengok haiwan itu. Zoo johor hanya mempunyai satu ekor seladang dan kawasan sangkar untuk seladang sangat besar.

Saya percaya bahawa dengan melakukan aktiviti CSR di zoo johor telah mengajar saya untuk lebih berani dan sayang dengan haiwan. Kebiasaanya, pelajar lebih suka untuk pergi ke rumah orang-orang tua, rumah anak yatim, bersihkan surau dan bersihkan pantai untuk melakukan aktiviti CSR.

Dengan menyertai program CSR di zoo johor, saya sedar bahawa dengan menolong haiwan yang kelaparan dan tidak cukup makanan boleh memberi impak untuk masa hadapan. Kita boleh meringankan beban organisasi yang menubuhkan zoo dengan menyumbang duit untuk beli makanan untuk haiwan.

Saya sedar bahawa zoo di Malaysia adalah sangat penting untuk dijaga dan dipelihara supaya generasi-generasi yang akan datang boleh melihat dan tahu tentang haiwan-haiwan eksotik di Malaysia seperti tapir, gajah, harimau malaya, orang utan dan seladang.

Berdasarkan pemerhatian saya di zoo johor, terdapat singa yang kurus dan bilangan singa di dalam sangkar hanyalah 3 ekor. Saya percaya dengan sedikit bantuan yang dihulur oleh orang ramai dapat membantu sedikit sebanyak haiwan-haiwan di zoo johor untuk kekal sihat dan tidak sakit.

“Adakah makanan yang dibekalkan oleh staf zoo tidak berkhasiat?” “Bagaimanakah penjagaan haiwan yang betul?”

3.0 RELATING

Penyediaan program CSR yang melibatkan 10 orang pelajar Universiti Teknologi Malaysia Skudai adalah dalam keadaan baik. Tiada masalah yang timbul sama ada sebelum, ketika berlangsung aktiviti di zoo dan selepas program CSR. Setiap pelajar telah menjalankan tugas dengan baik dan mengikut arahan.

Aktiviti CSR yang saya jalankan bersama rakan-rakan di zoo johor dapat dikaitkan dengan aktiviti CSR di sekolah sentul utama kuala lumpur. Terdapat 29 pelajar yang terlibat dengan aktiviti tersebut, maka kami bahagikan tugas sebaik yang mungkin supaya tiada pihak yang membuat kerja lebih daripada orang lain.

Situasi yang saya alami ketika melakukan CSR di zoo johor adalah sama kerana setiap pelajar dan ahli sangat membantu antara satu sama lain untuk menjalankan tugas. Semua tenaga yang dicurahkan kepada tugas itu penuh dengan kualiti supaya hasilnya adalah baik.

Apa yang berbeza antara dua aktiviti CSR itu adalah bilangan ahli. Untuk aktiviti CSR di sekolah sentul utama kami mempunyai 29 ahli manakala CSR di zoo johor hanya 10 ahli. Tetapi itu tidak mematahkan semangat siapa-siapa kerana semua orang bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan amanah.

Antara perkara yang berlaku ketika menjalankan aktiviti CSR di zoo johor, kami memerlukan semangat kerja sama, toleransi, mendengar idea orang lain dan bertanggungjawab dengan setiap tugas yang diberi. Juga, tugas-tugas itu perlulah dihantar dalam tempoh masa yang diberikan dan bukannya lambat.

Setelah menjalankan beberapa aktiviti kurikulum di sekolah dan universiti, saya lebih memahami dengan setiap proses dari persediaan, perancangan, pelaksanaan dan penutup.

Setiap peringkat itu perlulah diberikan perhatian yang penuh dan tidak lalai dalam menjalankan kerja.

Persediaan yang baik dan bersedia lebih memberikan impak yang besar kepada sesuatu keputusan kerana semua perancangan itu telah dilakukan dengan penuh cecap dan ianya tidak bermaksud bahawa setiap tugas yang sudah siap terlebih awal adalah baik dari segi kandungannya.

Perancangan juga memerlukan idea-idea bernas untuk melaksanakan program dengan jaya. Merancang adalah salah satu perkara yang penting untuk memastikan program berjalan dengan lancar tanpa sebarang masalah yang timbul.

Pelaksanaan adalah perkara yang dilaksanakan selepas persetujuan dari semua pihak. Bagi melaksanakan program yang memberi impak yang mendalam, pihak pengurusan perlu memberikan yang terbaik kepada para peserta atau penerima supaya mereka selesa menghadiri program tersebut.

Akhir sekali penutup iaitu perasmian untuk menamatkan program dengan jayanya. Penutup yang berjaya adalah apabila peserta yang hadir ke program memberikan maklum balas yang positif, seronok dan gembira untuk segala aktiviti yang dikendalikan oleh penganjur.

4.0 REASONING

Kerja berkumpul semestinya memerlukan semangat kerjasama yang sama dari setiap ahli kerana kita mahu capai misi dan visi yang sama. Jadi, jika tiada kerjasama antara satu sama lain kumpulan itu akan tidak cekap ketika menjalankan tugas.

Aspek yang paling penting ketika menjalankan aktiviti CSR adalah kerjasama. Kerjasama itu sangat penting untuk membina sebuah kumpulan yang menerapkan nilai tolong antara satu sama lain. Sama ada kerja kumpulan yang kecil melibatkan beberapa orang ahli atau kerja berkumpul yang melibatkan ramai ahli, setiap ahli perlu amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Juga, melantik seorang ketua dan penolong dalam sesebuah kumpulan dapat membangkitkan semangat kerjasama contohnya seperti ada pergaduhan sesama ahli kumpulan, ketua dan penolong boleh tolong untuk membantu dan membahagikan tugas dengan adil dan saksama supaya tiada ahli yang rasa tidak puas hati terhadap kerja orang lain.

Dari perspektif seorang pelajar, saya beranggapan bahawa kerjasama, tolong-menolong, sentiasa positif adalah antara ciri-ciri yang diperlukan bagi membentuk pasukan yang hebat. Dari pemahaman saya, saya percaya dengan sikap kerjasama itu akan membentuk kumpulan untuk lebih berjaya. Kerjasama yang penuh dari setiap ahli kumpulan boleh membawa kejayaan kepada seluruh pasukan.

Seterusnya untuk ciri-ciri tolong-menolong, itu adalah penting juga kerana bila kita bekerja di dalam pasukan, ianya tidak melibatkan dua orang individu tetapi lebih. Jadi, sikap yang baik seperti tolong-menolong mampu membentuk sesebuah pasukan untuk jadi lebih ringan tulang dan sedia membantu.

Aura positif, ini juga membantu pasukan untuk jadi lebih yakin dengan setiap perancangan ataupun mempunyai sikap berdaya saing sesama ahli. Jika aura positif ini diterapkan dalam setiap diri ahli, kumpulan juga akan mendapatkan kesan yang sama dan semua ahli dapat melaksanakan tugas dengan berkualiti.

Antara kesan yang saya dapati daripada aktiviti CSR di zoo johor adalah memanfaatkan hidupan haiwan di zoo dengan melawati zoo-zoo di Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia yang mencintakan alam semesta, saya akan selalu pergi ke zoo-zoo di Malaysia sebagai tanda sokong kepada ekosistem.

Selain itu, saya dapati kerjasama antara ahli di dalam pasukan sangat penting kerana tanpa kerjasama belum tentu tugas itu dapat dilaksanakan dengan baik. Kerjasama juga dapat menjimatkan masa, menjimatkan tenaga dan membina silaturahim dengan kawan baru. Banyak manfaat yang saya dapati dari aktiviti CSR di zoo johor.

Saya juga ingin menekankan sikap sayangi haiwan perlu diterapkan dari kecil kerana terdapat banyak isu dimana beberapa individu telah mendera, menzalimi, membunuh haiwan tanpa rasa bersalah. Semoga itu semua dapat dielakkan untuk masa hadapan yang lebih bermakna. Tiada penderaan haiwan lagi di negara kita.

Sama-sama lah kita menjaga aset negara dengan penuh kasih sayang.

5.0 RECONSTRUCTING

Secara konklusinya, setelah saya melibatkan diri dengan aktiviti CSR di zoo johor saya melihat dan lebih menghargai kerja-kerja serta haiwan-haiwan di zoo. Sebelum saya merasai sendiri pengalaman membersihkan kawasan seladang, saya hanya beranggapan bahawa haiwan-haiwan di zoo semuanya sihat dan cukup makanan untuk seharian.

Manakala, semua itu tidak betul. Saya melihat sendiri bagaimana haiwan-haiwan di zoo johor duduk di kawasan yang disediakan, makan dan tidur. Kebanyakan kawasan haiwan-haiwan di sana tidak berapa bersih. Selain itu, tidak ramai pengunjung di zoo johor. Apakah punca orang tidak berkunjung ke zoo johor?

Saya sedar bahawa zoo johor adalah bersaiz kecil jika dibandingkan dengan Zoo Negara, Zoo Melaka dan mereka mempunyai jenis-jenis haiwan yang terhad. Apa yang akan berlaku jika saya bercadang untuk mewar-warkan hal ini kepada orang ramai supaya lebih ramai orang yang tahu tentang keseronokan yang ada di zoo johor.

Semestinya, ia dapat membantu zoo johor untuk menerima lebih ramai pengunjung pada setiap minggu. Selain daripada itu, sumbangan secara “crowdfunding” dari orang ramai dapat memberi harapan kepada penerima untuk meringankan beban dan secara tidak langsung menolong pihak zoo johor untuk mengubah suai cat dan kawasan-kawasan di sekitar zoo.

Haiwan-haiwan yang berada di zoo johor adalah sangat berharga jika kita hanya biarkan tanpa membuat apa-apa. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia dan terutama sekali rakyat Johor perlulah sentiasa mengunjungi zoo untuk menyokong aktiviti ekosistem.

Jika projek ini disambut baik oleh penduduk Malaysia, kerajaan johor boleh mempromosikan zoo johor ke penduduk Singapura. Kehadiran mereka ke negara kita amatlah membantu dari segi ekonomi dan aktiviti pelancongan.

Pada masa hadapan, zoo johor boleh dijadikan sebagai salah satu tarikan yang ada di negeri johor selain daripada Legoland yang terletak di Johor Bahru, Adventure Waterpark Desaru Coast dan Johor Premium Outlets. Zoo Johor perlu menaik taraf supaya ianya setanding dengan tarikan-tarikan di johor yang lain.

Dengan memberikan perhatian yang lebih kepada zoo johor, pasti suatu hari nanti ianya akan berjaya dan menarik ramai pengunjung terutamanya keluarga yang mempunyai anak-anak kecil. Guru-guru serta para pelajar sekolah tadika dan sekolah rendah yang berumur 4 ke 6 tahun.